

26/08/1998

Ahli Umno diminta analisis maklumat

SHAH ALAM, Selasa - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pemimpin dan ahli Umno di Selangor menganalisis maklumat daripada pihak asing agar tidak menjadi pak turut dan dijadikan alat bagi mencapai matlamat jahat mereka.

Beliau juga meminta semua ahli Umno bersatu dan menjalankan tugas dengan baik bagi mengatasi masalah yang dihadapi supaya negara terus stabil.

Itulah antara mesej Perdana Menteri ketika mengadakan pertemuan tertutup dengan pemimpin Umno Selangor di kediaman rasmi Menteri Besar di Bukit Megawati di sini, hari ini.

Perbincangan kira-kira satu jam itu dihadiri semua pengerusi tetap Umno bahagian, ketua Umno bahagian, timbalan ketua Umno bahagian, ketua dan naib ketua Wanita Selangor serta Ketua Pergerakan Pemuda Umno Selangor.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, berkata mesej itu amat jelas dan perlu difahami semua pemimpin Umno Selangor.

"Oleh itu, semua pemimpin dan ahli Umno perlu bersatu untuk menjalankan tugas masing-masing kerana melaluinya kita dapat menangani masalah yang dihadapi negara," katanya.

Ditanya mengenai ahli Umno mesti berpegang teguh kepada prinsip sebuah parti yang hanya ada seorang jeneral seperti kenyataan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Abu Hassan, berkata beliau bersetuju dengan pendapat itu.

(END)